

03 NOV 1997

LEAD G15-perasmian

G15 MAHU URUS NIAGA MATA WANG DIKAWAL, LIBERALISASI TERATUR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin G15 memulakan sidang kemuncak ketujuh mereka di sini hari ini dengan menyarankan agar urusan niaga mata wang dikawal selia dan liberalisasi perdagangan sejagat mempunyai keteraturan.

Seperti dijangka, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangkitkan isu urusan niaga mata wang dalam ucapan perasmian sambil menyifatkan sistem sekarang sebagai tidak beretika dan tidak adil.

Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Peru Alberto Fujimori dan Naib Presiden India Krishan Kant yang berucap mewakili benua masing-masing turut menyentuh kedua-dua isu itu yang menggugat negara-negara membangun.

"Usaha peniaga mata wang untuk sengaja menjatuhkan nilai mata wang sesebuah negara semata-mata bagi mengaut keuntungan adalah satu perbuatan serius kerana ia menafikan hak negara-negara merdeka," kata Dr Mahathir.

Sebagai penyokong kuat bagi pasaran mata wang yang dikawal, Perdana Menteri berkata sistem perdagangan antarabangsa tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kuasa pasaran dan masanya telah tiba bagi peraturan yang adil diwujudkan.

Beliau berkata sebelum globalisasi dapat diterima, sistem yang adil perlu ada bagi sektor perdagangan, baik untuk barangan dan perkhidmatan, saham atau mata wang.

Ketika menceritakan pengalaman pahit Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara lain akibat serangan spekulator mata wang, Dr Mahathir berkata ia telah memusnahkan hasil dan pengorbanan yang diusahakan untuk sekian lamanya.

Kant pula berkata krisis mata wang yang melanda Asia Tenggara menunjukkan negara-negara membangun perlu melindungi diri mereka daripada sentimen pasaran dan turun naik kadar pertukaran mata wang utama.

Katanya langkah menangani krisis mata wang sekarang memerlukan pendekatan baru dalam kerjasama serantau dan antarabangsa.

"G15 boleh berusaha membentuk strategi yang sesuai dan anggotanya boleh berunding antara satu sama lain dalam hal ini," katanya.

Fujimori berkata satu mekanisme antarabangsa yang berkesan perlu diwujudkan bagi menangani masalah ketidakstabilan dalam sistem kewangan.

Berucap dalam bahasa Sepanyol, beliau berkata perkembangan dalam pasaran kewangan dan pasaran saham baru-baru ini menunjukkan terdapat pergantungan sesama negara dalam ekonomi dunia.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata : "Walaupun kita harus menerima penghapusan halangan bagi perdagangan antara negara-negara, kita juga perlu berusaha mewujudkan keteraturan dalam amalan perdagangan dan perniagaan untuk semua negara."

Beliau juga mengingatkan negara anggota mengenai trend membimbangkan yang muncul ekoran mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Singapura yang boleh menggugat kedudukan negara membangun.

Dr Mahathir juga berharap negara-negara Selatan tidak sekadar berpuas hati tetapi harus meninjau peluang dengan menerokai pasaran baru dan menjalin perkongsian dalam pelbagai bidang di kalangan mereka.

Mugabe berkata Afrika yang mempunyai 33 daripada 48 negara paling mundur di dunia, menghadapi kemungkinan tersisih daripada proses globalisasi dan meliberalisasikan perdagangan.

Sidang kemuncak kali ini juga dihadiri oleh Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Hosni Mubarak dari Mesir, Presiden Liamine Zeroual dari

Algeria, Naib Presiden Dr Carlos Ruckauf dari Argentina dan Timbalan Perdana Menteri Jamaica Dr Seymour Mullings.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya diterima sebagai anggota terbaru dalam sidang kemuncak di sini.

-- BERNAMA

TM MAI